

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : **Y.B. DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH (KALABAKAN)**

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH : **27.10.2014**

Y.B. DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH

[KALABAKAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

a. apakah Kementerian sedar bahawa penjualan rokok haram tanpa cukai sedang dijual secara terbuka dan berleluasa hampir di seluruh bandar di Sabah; dan

b. berapakah anggaran kerugian negara satu tahun akibat jualan rokok dan bahan tembakau tanpa cukai ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kewangan dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) sedar bahawa penjualan rokok haram tanpa cukai dijual di Sabah. Sehubungan itu, pelbagai tindakan penguatkuasaan telah diambil sejak tahun 2012 dan sehingga bulan September 2014 sebanyak 1,456 kes dengan anggaran nilai rampasan dagangan sebanyak RM5.74 juta telah dicatatkan.

Berdasarkan kepada jumlah rampasan tersebut, anggaran kehilangan hasil cukai bagi tahun 2013 akibat daripada penjualan rokok dan bahan tembakau haram sebanyak RM212.34 juta dengan melibatkan nilai rampasan sebanyak RM34.64 juta.